

Kad Biz-Xpress (“BXC”)

Alliance Bank Malaysia Berhad

(Kad Debit Perniagaan)

Terma & Syarat

Terma dan Syarat Kad Biz-Xpress Alliance Bank

Terma dan Syarat yang terkandung di sini mentadbir penggunaan Kad Biz-Xpress Alliance Bank (“BXC”), kad debit yang dikeluarkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad (“Bank”) oleh Pelanggan, yang akan mengikat Pelanggan. Dengan memohon produk ini, Pelanggan mengakui telah membaca dan menerima Terma dan Syarat tersebut.

Terma dan Syarat yang terkandung di sini boleh diganti oleh variasi, semakan atau perubahan sebagaimana yang dibuat oleh Bank dari semasa ke semasa, dan pemegangan dan/atau penggunaan BXC oleh Pelanggan selepas tarikh penguatkuasaan variasi, semakan atau perubahan tersebut menandakan bahawa Pelanggan menerima sepenuhnya variasi, semakan dan/atau perubahan tersebut.

Segala rekod dan catatan yang terdapat pada Penyata Akaun adalah dianggap sebagai betul dan akan mengikat Pelanggan kecuali sekiranya Bank menerima sebarang notis bertulis yang menyatakan sebaliknya dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata yang tertera pada Penyata Akaun. Sekiranya tiada pemberitahuan daripada Pelanggan, Penyata Akaun akan dianggap sebagai pengesahan dan penerimaan muktamad oleh Pelanggan bagi segala transaksi yang dinyatakan di sini.

Terma dan Syarat yang disertakan di sini juga hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Deposit, Terma dan Syarat bagi Perkhidmatan Dalam Talian BizSmart®, dan mana-mana Terma dan Syarat lain yang relevan berhubung dengan Akaun, serta undang-undang dan peraturan lain yang mengikat dan/atau terpakai bagi Bank dari semasa ke semasa.

1. DEFINISI

1.1 Dalam Terma dan Syarat ini, istilah dan ungkapan berikut membawa maksud yang ditetapkan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan maksud sebaliknya:

“**Akaun**” bermaksud akaun semasa yang dipegang atau mungkin dipegang oleh Pelanggan dengan Bank pada bila-bila masa dan termasuk akaun yang dibuka oleh Pelanggan dari semasa ke semasa.

“**Perkhidmatan Alliance BizSmart®**” bermaksud kemudahan atau perkhidmatan perbankan internet Bank bagi BizSmart®.

“**ATM**” bermaksud mesin teler automatik atau mesin kendalian kad termasuk tetapi tidak terhad kepada mesin yang dimiliki oleh Bank atau bank-bank lain di dalam negara dan/atau di peringkat antarabangsa yang menyertai Rangkaian MEPS atau Rangkaian ATM Mastercard.

“**Had ATM**” bermaksud had terkumpul maksimum yang boleh ditetapkan oleh Pelanggan di ATM Bank, yang merupakan gabungan bagi pengeluaran tunai harian dan/atau pembelian runcit yang dibuat melalui rangkaian pembayaran MyDebit.

“**Cawangan Tunai Berdaftar**” bermaksud mana-mana cawangan, pejabat dan/atau lokasi yang ditetapkan oleh Bank atau mana-mana institusi anggota yang dibenarkan untuk menerima CIRRUS atau MEPS, atau mana-mana pemilik jenama di mana Bank merupakan ahli Mastercard International, untuk melaksanakan Pengeluaran Tunai.

“**Saudagar Berdaftar**” bermaksud mana-mana peruncit atau individu, firma atau syarikat, yang menurut perjanjian saudagar dengan Bank, bersetuju untuk menerima atau membolehkan penerimaan BXC High Limit di cawangannya apabila dikemukakan dengan sewajarnya untuk membuat pembayaran bagi pembekalan barangan dan/atau penyediaan perkhidmatan.

“**Bank**” bermaksud Alliance Bank Malaysia Berhad (88103-W) dan termasuk pengganti jawatan dan pemegang serah hak yang dibenarkan.

“Perkhidmatan Pembayaran Bil” bermaksud perkhidmatan yang disediakan oleh Bank untuk membolehkan Pelanggan melaksanakan pembayaran bil kepada Syarikat Penerima melalui penggunaan Terminal Layan Diri (SSTs)

“Kad Biz-Xpress (“BXC”)” bermaksud kad debit yang dikeluarkan oleh Bank bagi tujuan deposit tunai atau cek melalui SSTs dan termasuk sebarang gantian kad.

“Kad Biz-Xpress High Limit (“BXC High Limit”)” bermaksud kad Biz-Xpress High Limit yang dikeluarkan oleh Bank bagi tujuan mengeluarkan atau menandatangani tunai atau cek melalui SST, termasuk transaksi runcit MyDebit dan Mastercard Debit serta termasuk sebarang gantian kad tersebut.

“Pemegang Kad” bermaksud individu yang dibenarkan yang namanya tertera pada kad untuk mengendalikan Akaun Utama menggunakan BXC.

“Pengeluaran Tunai” bermaksud tunai yang dikeluarkan dari mana-mana Cawangan Tunai Berdaftar dan ATM.

“CDM” bermaksud Mesin Deposit Tunai yang dimiliki oleh Bank.

“CES” bermaksud Perkhidmatan Cek Ekspres oleh Bank.

“CIRRUS” bermaksud mana-mana bank atau institusi kewangan yang menyertai rangkaian ATM Mastercard yang diuruskan oleh Mastercard.

“Pembaca/Terminal Tanpa Sentuh” merujuk kepada pembaca kad pengenalan frekuensi radio (RFID) yang dipasang pada Terminal POS untuk membuat pembayaran.

“Transaksi Tanpa Sentuh” merujuk kepada transaksi yang dibuat dengan menyentuh atau melakukan Kad BXC High Limit di hadapan Pembaca Tanpa Sentuh.

“Pelanggan” bermaksud perniagaan/syarikat yang diberikan kepadanya BXC yang dikeluarkan oleh Bank untuk penggunaannya.

“Had Harian” bermaksud had harian yang ditetapkan oleh Bank. Had harian tersebut adalah terpakai untuk Pengeluaran Tunai dan/atau Pembelian Runcit yang dibuat melalui MyDebit, rangkaian pembayaran Mastercard Debit dan CIRRUS. Ia merupakan gabungan antara had pengeluaran ATM dan Pembelian Runcit bagi MyDebit dan rangkaian pembayaran Mastercard Debit.

“Rangkaian MEPS” bermaksud operasi rangkaian ATM oleh Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. (MEPS)

“Had Bulanan” bermaksud had bulanan yang ditetapkan oleh Bank. Had bulanan tersebut adalah terpakai untuk Pengeluaran Tunai dan/atau Pembelian Runcit yang dibuat melalui MyDebit dan rangkaian pembayaran Mastercard Debit dan pengeluaran Cirrus. Ia merupakan gabungan antara had pengeluaran ATM dan Pembelian Runcit bagi MyDebit dan rangkaian pembayaran Mastercard Debit.

“MyDebit/Mastercard Debit” bermaksud Pembelian Runcit yang dibuat oleh Pelanggan melalui Terminal POS atau Pembaca Tanpa Sentuh yang dipasang di kaunter bayaran mana-mana

Saudagar Berdaftar yang menerima BXC High Limit Bank dan melalui MyDebit dan rangkaian pembayaran Mastercard Debit.

“Transaksi Luar Negara” bermaksud transaksi yang dilaksanakan di Saudagar Berdaftar dan/atau Pembaca Tanpa Sentuh yang dipasang di kaunter bayaran mana-mana Saudagar Berdaftar di luar Malaysia yang menerima Kad Debit Bank dan melalui rangkaian pembayaran MyDebit.

“Terminal POS” bermaksud peranti elektronik yang dimiliki oleh Bank atau mana-mana bank atau institusi kewangan lain atau mana-mana pihak ketiga lain di dalam atau luar Malaysia yang digunakan untuk memproses pembayaran kad di cawangan Saudagar Berdaftar yang menerima pembayaran.

“Syarikat Penerima” bermaksud syarikat yang menerima pembayaran bil menerusi penggunaan Perkhidmatan Pembayaran Bil.

“Arahan Pembayaran” bermaksud arahan yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank menerusi SST untuk membuat pembayaran kepada Syarikat Penerima.

“PIN” bermaksud nombor pengenalan peribadi enam (6) digit Pemegang Kad yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan yang ditawarkan menerusi penggunaan BXC.

“Akaun Utama” bermaksud akaun utama di mana transaksi MEPS/CIRRUS/MyDebit/Mastercard Debit akan dilaksanakan menggunakan akaun utama yang dikenal pasti dalam borang permohonan BXC.

“Pembelian Runcit”, bagi tujuan Terma dan Syarat ini, membawa maksud segala pembayaran untuk Transaksi Tanpa Kad dan Transaksi dengan Kad yang dibuat menggunakan BXC.

“Kod Keselamatan” bermaksud kod keselamatan yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan untuk mengakses Perkhidmatan yang berkenaan, yang terdiri daripada PIN, TPIN (untuk Perkhidmatan Perbankan melalui Telefon), TPIN dan TAC (untuk Perkhidmatan Alliance BizSmart®), dan termasuk sebarang nama pengguna, kata laluan, nombor pengenalan peribadi, sijil digital atau sebarang kod keselamatan lain yang dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa untuk mengakses semua atau mana-mana Perkhidmatan dan rujukan kepada istilah “Kod Keselamatan” membawa maksud kod keselamatan atau kod yang berkenaan dengan Perkhidmatan tertentu sebagaimana yang ditentukan oleh konteks.

“Perkhidmatan” bermaksud perkhidmatan yang ditawarkan kepada Pelanggan menerusi SST, Kad Debit, BizSmart®, Perbankan melalui Telefon dan mana-mana perkhidmatan perbankan elektronik yang ditawarkan atau diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

“Penyata Akaun” bermaksud penyata akaun bagi Akaun Tertentu yang menunjukkan Transaksi yang dilaksanakan oleh Pelanggan menggunakan Kad yang boleh diakses oleh Pelanggan melalui Perkhidmatan Alliance BizSmart®.

“SST” bermaksud Terminal Layan Diri termasuk ATM, CDM dan CES.

“Transaksi” atau “Arahan” bermaksud sebarang dan semua transaksi perbankan yang dilaksanakan menerusi penggunaan BXC dan termasuk tetapi tidak terhad kepada Pengeluaran Tunai, Pembelian Runcit, pembayaran, pemindahan dana, pertanyaan baki, deposit tunai atau cek, pembayaran bil, perkhidmatan permohonan penerbitan saham awam dan sebarang perkhidmatan perbankan elektronik lain yang ditawarkan atau diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa (sama ada melalui ATM, Terminal POS, Pembaca Tanpa Sentuh,

BizSmart®Online atau terminal atau saluran lain yang tersedia untuk Pemegang Kad. Untuk mengelakkan keraguan, istilah “Transaksi” atau “Arahan” turut merangkumi “Transaksi Kad”.

2. PENYERAHAN KAD

- 2.1 Bank dianggap sebagai telah memenuhi obligasi penyerahannya setelah menyerahkan BXC kepada Pemegang Kad sebagaimana pada borang permohonan BXC. Bank berhak untuk tidak menyerahkan BXC sekiranya mendapati borang permohonan dan/atau arahan bertulis oleh syarikat tidak lengkap atau tidak mencukupi.

3. PENERIMAAN

- 3.1 Pemegang Kad perlu menandatangani BXC dengan segera sebaik sahaja menerimanya. Dengan menandatangani BXC tersebut, Pelanggan dianggap sebagai menerima dan bersetuju dengan Terma dan Syarat ini.

4. BXC TIDAK BOLEH DIPINDAH MILIK

- 4.1 BXC tidak boleh dipindah milik dan Pelanggan perlu memastikan bahawa setiap BXC hanya digunakan oleh Pemegang Kad tertentu sahaja.

5. PEMILIKAN

- 5.1 BXC merupakan hak milik Bank dan mesti dikembalikan setelah dibatalkan atau apabila diminta oleh Bank.

6. KERAHSIAAN PIN

- 6.1 Pemegang Kad berjanji untuk tidak mendedahkan PIN kepada mana-mana individu, sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan akan dipertanggungjawabkan atas sebarang catatan debit dalam BXC yang disebabkan oleh mana-mana transaksi yang dibuat tanpa kebenaran.
- 6.2 PIN adalah rahsia dan mesti dijaga rapi oleh Pemegang Kad dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa sahaja dalam apa juga keadaan atau atas apa juga sebab sekalipun. Pemegang Kad mestilah:
- a) menandatangani BXC sebaik sahaja ia diterima dan mematuhi sebarang arahan keselamatan; menggunakan PIN yang mantap yang sukar untuk diagak atau ditiru;
 - b) melindungi BXC, PIN, dan sebarang perincian keselamatan kad;
 - c) tidak memilih PIN atau menggunakan PIN dengan cuai atau melulu yang boleh menyumbang kepada atau menyebabkan kerugian yang diakibatkan oleh sebarang transaksi BXC yang dibuat tanpa kebenaran oleh mana-mana pihak ketiga;
 - d) memusnahkan sebarang notifikasi bagi PIN atau perincian keselamatan BXC dan tidak mendedahkan PIN kepada sesiapa sahaja termasuk pihak polis dan kakitangan Bank;
 - e) tidak membenarkan individu lain melihat PIN semasa Pemegang Kad memasukkannya atau semasa ia dipaparkan; dan
 - f) memaklumkan kepada Bank dengan segera (secara lisan dan/atau bertulis) sebaik sahaja menyedari bahawa PIN telah terdedah, digunakan atau diketahui oleh pihak ketiga dan memotong dua BXC melintangi jalur magnetik dan cip serta memastikan bahawa ia dimusnahkan sepenuhnya.
- 6.3 Pemegang Kad perlu mengambil langkah yang sewajarnya untuk melindungi BXC dan PIN sepanjang masa, termasuklah di kediaman Pemegang Kad. Ini termasuklah untuk tidak:
- a) mendedahkan perincian BXC atau PIN kepada mana-mana individu lain;
 - b) menulis PIN pada BXC atau apa-apa sahaja yang terletak berdekatan dengan BXC; dan
 - c) menggunakan PIN yang dipilih berdasarkan tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon Pemegang Kad; dan membenarkan mana-mana individu lain untuk menggunakan BXC dan PIN.

- 6.4 Sekiranya PIN dibocorkan, didedahkan, atau terjejas atas sebarang sebab sekalipun atau sekiranya Pemegang Kad terlupa PIN, Pemegang Kad dengan ini berjanji untuk memaklumkan kepada Bank secara lisan dan/atau bertulis dan mengembalikan kad, yang telah dipotong dua, kepada Bank.

7. TANGGUNGJAWAB ATAS TRANSAKSI

- 7.1 Pelanggan boleh memautkan sehingga enam (6) Akaun Deposit kepada BXC. Apabila lebih daripada satu (1) Akaun dipautkan kepada BXC, Pelanggan perlu menetapkan satu (1) daripada Akaun tersebut sebagai Akaun Utama sebagaimana dalam Borang Permohonan BXC.
- 7.2 Pelanggan mesti bertanggungjawab sepenuhnya atas semua transaksi yang dilaksanakan menggunakan BXC sama ada ia dilaksanakan dengan pengetahuan, kelulusan atau kebenaran Pelanggan atau tidak, selagi Had Harian atau Had Bulanan sehari tidak melebihi amaun maksimum yang ditetapkan oleh Bank bagi penggunaan BXC.
- 7.3 Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab dalam apa juga cara termasuklah:
- a) Atas sebarang kerugian, kerosakan atau kecederaan atau kemudaratan lain yang dialami oleh Pemegang Kad, sekiranya transaksi tidak dilayan atas apa juga sebab sama ada disebabkan oleh sebarang kerosakan mekanikal atau kepincangan tugas mana-mana SST atau mana-mana cawangan perkhidmatan lain atau disebabkan oleh ketiadaan atau gangguan bekalan elektrik atau kerana sebarang sebab di luar kawalan Bank; dan/atau
 - b) Atas sebarang kerugian atau sebarang sebab lain yang timbul daripada penggunaan BXC.
- 7.4 Pelanggan memberi kebenaran yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank untuk mendebit Akaun Utama bagi transaksi yang dilaksanakan dengan menggunakan BXC.
- 7.5 Pelanggan bertanggungjawab atas segala transaksi yang diproses melalui BXC sama ada ia dilaksanakan oleh Pelanggan atau Pemegang Kad atau tidak.
- 7.6 Semua Pemegang Kad bertindak sebagai ejen Pelanggan apabila menggunakan BXC. Pelanggan perlu memastikan bahawa setiap Pemegang Kad mengambil maklum dan mematuhi Terma dan Syarat ini.

8. TRANSAKSI TANPA SENTUH

- 8.1 BXC High Limit menyokong Transaksi Tanpa Sentuh iaitu MyDebit dan Mastercard Debit tanpa sentuh. Kaedah pembayaran MyDebit dan Mastercard Debit tanpa sentuh adalah melalui rangkaian pembayaran MyDebit dan Mastercard Debit yang boleh dilaksanakan di mana-mana Terminal POS yang memaparkan logo MyDebit dan Mastercard; dan
- 8.2 Setiap Transaksi Tanpa Sentuh dihadkan pada Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250.00). Sekiranya Transaksi Tanpa Sentuh telah melangkaui had ambang Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250.00) bagi setiap Transaksi Tanpa Sentuh, Pemegang Kad perlu menandatangani draf transaksi jualan yang dijana oleh Terminal POS atau memasukkan PIN di Terminal POS.
- 8.3 Sekiranya Transaksi Tanpa Sentuh melebihi had kumulatif bagi transaksi tanpa sentuh, Pemegang Kad masih boleh membuat pembayaran dengan memasukkan Kad Debit ke dalam Terminal POS dan memasukkan PIN. Sebaik sahaja PIN disahkan, draf transaksi jualan akan dikeluarkan setelah pengesahan dibuat.
- 8.4 Transaksi Tanpa Sentuh adalah tertakluk kepada Had Transaksi.

9. TRANSAKSI LUAR NEGARA

- 9.1 Transaksi Luar Negara adalah tertakluk kepada fi dan caj yang ditetapkan bagi Transaksi Luar Negara yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini. Kadar pertukaran, di mana berkenaan, adalah pada kadar pertukaran semerta semasa pada tarikh Transaksi.
- 9.2 Semua Transaksi antara negara oleh Pelanggan tidak boleh melanggar undang-undang di negara di mana Transaksi tersebut dilaksanakan. Sekiranya berkenaan, Pelanggan mesti mematuhi garis panduan yang ditetapkan dalam Notis Dasar Pertukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan akan dipertanggungjawabkan atas sebarang pelanggaran peraturan tersebut, yang turut merangkumi sebarang pindaannya.
- 9.3 Bank mungkin pada bila-bila masa akan memberikan notis kepada Pemegang Kad yang menyatakan bahawa BXC tidak boleh digunakan di mana-mana ATM atau Saudagar Berdaftar di luar Malaysia dan Bank tidak akan dipertanggungjawabkan oleh Pelanggan atas sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh Pemegang Kad yang diakibatkan dalam apa juga cara oleh penggantungan atau penamatan tersebut kerana ketiadaan kemudahan kad di negara atau negara-negara tersebut.
- 9.4 Bagi Transaksi mata wang asing (Transaksi yang bukan dalam Ringgit Malaysia), kadar pertukaran pada tarikh ia direkodkan adalah pada kadar pertukaran semerta semasa pada tarikh Transaksi direkodkan.
- 9.5 Transaksi mata wang asing akan ditukarkan kepada Dolar Amerika terlebih dahulu melalui Mastercard International sebelum Dolar Amerika tersebut ditukarkan pula kepada Ringgit Malaysia pada tarikh Transaksi direkodkan dalam Akaun Utama Pelanggan pada kadar pertukaran dan caj yang ditetapkan oleh Mastercard International dan termasuk 1% spread pertukaran asing yang dikenakan oleh Bank.
- 9.6 Segala pembelian antarabangsa yang dibuat secara tanpa sentuh, atau PIN dan Transaksi melalui ATM adalah tertakluk kepada undang-undang di negara terbabit di mana Transaksi tersebut dilaksanakan. Bagi semua Transaksi tersebut, kadar pertukaran, sekiranya berkenaan, adalah pada kadar pertukaran semerta semasa pada tarikh Transaksi direkodkan.
- 9.7 Pelanggan perlu mematuhi segala undang-undang pertukaran asing dan peraturan lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dan/atau peraturan kawalan pertukaran asing lain di mana-mana negara di mana transaksi dilaksanakan dan akan dipertanggungjawabkan atas sebarang pelanggaran peraturan tersebut, termasuk sebarang pindaannya.

10. LIABILITI PELANGGAN

- 10.1 Pemegang Kad dinasihatkan untuk tidak menyimpan PIN bersama BXC untuk melindungi kepentingan Pelanggan. Pemegang Kad mesti mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk mengelakkan kehilangan atau kecurian BXC.
- 10.2 Pemegang Kad perlu, dalam waktu pejabat, memaklumkan kepada Pengurus cawangan Bank di mana Akaun Utama dikendalikan atau sebagai alternatif menghubungi Pusat Panggilan Bank, dengan segera melalui telefon dan mengemukakan pengesahan secara bertulis dengan segera selepas itu sekiranya BXC hilang, dicuri atau digunakan oleh individu lain selain daripada Pemegang Kad atau sekiranya PIN dibocorkan kepada sesiapa selain daripada Pemegang Kad yang berkenaan.

- 10.3 Pelanggan akan dipertanggungjawabkan atas transaksi menerusi PIN atau Transaksi Tanpa Sentuh yang dibuat tanpa kebenaran sekiranya Pemegang Kad telah:
- a) melakukan penipuan;
 - b) melengahkan daripada memaklumkan kepada Bank secepat mungkin selepas menyedari kehilangan BXC atau penggunaan BXC tanpa kebenaran;
 - c) mendedahkan PIN secara sukarela kepada individu lain;
 - d) mencatatkan PIN pada BXC Pemegang Kad, atau apa-apa juga yang disimpan berhampiran dengan BXC;
 - e) meninggalkan BXC atau item yang mengandungi BXC tanpa pengawasan di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh individu lain; atau
 - f) secara sukarela membenarkan individu lain menggunakan BXC Pemegang Kad.
- 10.4 Tanpa menjejaskan keluasan klausa-klausa dalam Terma dan Syarat yang terkandung di sini, Pelanggan memberi persetujuan yang jelas bahawa penggunaan BXC adalah atas risikonya sendiri dan menerima segala risiko, yang merupakan sampungan kepada atau yang timbul daripada penggunaan BXC. Ini termasuklah penggunaan BXC bagi sebarang transaksi kewangan dan bukan kewangan, termasuk penggunaan BXC untuk pendaftaran mana-mana perkhidmatan, sama ada yang disediakan oleh Bank atau sebaliknya.
- 10.5 Pelanggan tidak boleh menggunakan BXC untuk menjalankan kegiatan yang menyalahi undang-undang. Sekiranya Bank mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa BXC telah digunakan untuk menjalankan kegiatan yang menyalahi undang-undang, Bank boleh mengambil tindakan yang dianggap wajar oleh Bank untuk memenuhi sebarang obligasi atau keperluan di Malaysia atau di mana-mana sahaja di dunia berhubung dengan pencegahan sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, kegiatan pengganas, rasuah, penyelewengan atau pengelakan cukai atau pelaksanaan sekatan ekonomi atau perdagangan. Tindakan yang boleh diambil oleh Bank termasuklah menggantung atau menamatkan penggunaan BXC dengan serta-merta, membuat laporan dan mengambil tindakan lain yang dianggap wajar oleh Bank.
- 10.6 Sekiranya terdapat sebarang prosiding kebangkrutan atau insolvensi atau yang seumpamanya terhadap Pelanggan, Bank boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima sebarang dividen atau komposisi berhubung dengan keseluruhan atau sebahagian daripada wang dan liabiliti tersebut terhadap Pelanggan.

11. PERKHIDMATAN PEMBAYARAN BIL

- 11.1 Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan untuk menjelaskan bil sepenuhnya dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Syarikat Penerima.
- 11.2 Sebarang Arahan Pembayaran yang dibuat melalui SST akan dianggap sebagai telah selesai dan muktamad sebaik sahaja ATM berjaya melaksanakan Arahan Pembayaran tersebut dan Akaun Pelanggan telah didebitkan.
- 11.3 Pelanggan hendaklah menerima rekod Bank bagi Arahan Pembayaran yang diproses menggunakan Perkhidmatan Pembayaran Bil sebagai tidak boleh dipertikaikan dan mengikat bagi apa juga tujuan sekalipun.
- 11.4 Bank berhak menambah, meminda, dan/atau mengeluarkan mana-mana Syarikat Penerima daripada Perkhidmatannya tanpa memberikan sebarang sebab dan tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami yang disebabkan oleh tindakan tersebut.

- 11.5 Bagi tujuan Perkhidmatan Pembayaran Bil melalui SST, pemindahan/deposit dana adalah tertakluk kepada had minimum Syarikat Penerima yang berkenaan.
- 11.6 Sekiranya terdapat pertikaian antara Pelanggan dan Syarikat Penerima mengenai pembayaran yang melebihi jumlah yang perlu dibayar kepada Syarikat Penerima, Pelanggan perlu menyelesaikan pertikaian tersebut atau mendapatkan pelarasan atau pemulangan daripada Syarikat Penerima.
- 11.7 Sebarang arahan untuk memindahkan dana yang dibuat melalui ATM akan dianggap sebagai telah selesai dan muktamad sebaik sahaja ATM berjaya melaksanakan arahan untuk mendebit Akaun Pelanggan dan mengkredit akaun benefisiari. Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan untuk memaklumkan kepada benefisiari berkenaan pemindahan dana tersebut.
- 11.8 Pemindahan dana yang dilaksanakan melalui ATM kepada Akaun yang dipautkan kepada BXC tidak tertakluk kepada Had Harian dan Had Bulanan yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Biz-Xpress.
- 11.9 Pemindahan dana melalui ATM kepada Akaun yang tidak dipautkan kepada BXC (akaun sendiri atau akaun pihak ketiga) adalah tertakluk kepada Had Harian dan Had Bulanan.
- 11.10 Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang tuntutan, perbelanjaan, kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan Pembayaran Bil oleh Pelanggan atau kegagalan Pelanggan untuk mematuhi terma yang berkenaan.

12. FI DAN CAJ LAIN YANG BERKENAAN

- 12.1 Pelanggan bersetuju untuk membayar Caj yang berkenaan dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit Akaun Utamanya, pada bila-bila masa walaupun pendebitan tersebut boleh menyebabkan Akaun tersebut menjadi terlebih keluar.
- 12.2 Fi dan caj yang berkenaan berkaitan dengan Perkhidmatan tersebut (sebagaimana yang dikemas kini dari semasa ke semasa), akan dipaparkan di laman web Bank di <https://www.alliancebank.com.my/fees-and-charges> dan/atau boleh didapati di mana-mana cawangan Bank.
- 12.3 Bank boleh mengenakan dan atau mengubah caj dari semasa ke semasa bagi sebarang Perkhidmatan sedia ada atau akan datang yang disediakan oleh Bank dan/atau MEPS. Caj tersebut akan didebitkan daripada Akaun Utama yang digunakan untuk melaksanakan transaksi tersebut.

13. PENGGANTIAN & TAMBAHAN

- 13.1 Pemegang Kad perlu mengemukakan permohonan bertulis kepada Bank untuk memohon penggantian bagi BXC dan kelulusan bagi permohonan tersebut adalah menurut dasar Bank dan adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat semasa yang diterima pakai pada ketika itu.
- 13.2 Sebarang permohonan untuk mendapatkan BXC tambahan perlu disertakan dengan Borang Permohonan BXC dan dokumen sokongan dan menurut dasar Bank dan adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat semasa yang diterima pakai pada ketika itu.
- 13.3 Bank berhak mengenakan caj bagi setiap penggantian BXC yang hilang atau dicuri atau sekiranya terlupa PIN atau enggan mendapatkan gantian BXC tanpa memberikan sebarang sebab.

14. **PENAMATAN DAN/ATAU PENGGANTUNGAN BXC**

- 14.1 Bank berhak menurut dasarnya untuk menamatkan dan/atau menggantung BXC pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Pelanggan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum pelaksanaan tindakan tersebut. Pelanggan memahami dan bersetuju bahawa Bank boleh menamatkan dan/atau menggantung BXC apabila terjadi salah satu atau lebih yang berikut:
- a) sekiranya Pelanggan dan/atau Pemegang Kad gagal, mengabaikan atau ingkar dalam membuat sebarang jumlah pembayaran apabila tiba masa pembayaran dan perlu dibayar kepada Bank sama ada dituntut atau tidak;
 - b) sekiranya Pelanggan dan/atau Pemegang Kad melanggar mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini;
 - c) sekiranya Pelanggan dan/atau Pemegang Kad mengemukakan maklumat palsu atau tidak tepat kepada Bank;
 - d) sekiranya Pelanggan dan/atau Pemegang Kad melebihi Had Harian dan/atau Had Bulanan yang diberikan oleh Bank;
 - e) sekiranya Pelanggan dan/atau Pemegang Kad melakukan 'perbuatan kebangkrapan' atau terdapat perintah terhadapnya atau resolusi telah diluluskan atau petisyen dikemukakan terhadapnya untuk penggulungannya atau berlaku pembubaran atau penerima telah dilantik bagi asetnya atau melaksanakan komposisi atau pengaturan lain dengan pemiutangnya;
 - f) sekiranya Pemegang Kad menjadi tidak siuman atau meninggal dunia.

15. **VARIASI**

- 15.1 Bank berhak menambah, mengubah suai atau membatalkan mana-mana kadar, fi dan caj tersebut, atau mana-mana daripada Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum melaksanakan perubahan tersebut. Perubahan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis. Dalam situasi di mana perubahan dibuat menurut undang-undang dan peraturan, bersifat pentadbiran atau untuk tujuan penjelasan, notis dalam tempoh yang lebih pendek atau notis berkadar segera akan diberikan.
- 15.2 Pemberitahuan dalam Klausula 15.1 mungkin dibuat oleh Bank dalam Penyata Akaun dan/atau dalam apa juga cara lain atas pertimbangan Bank, menurut budi bicaranya, yang dianggap wajar berdasarkan prinsip layanan saksama kepada Pelanggan.
- 15.3 Sebarang pindaan yang merujuk kepada Klausula 15.1 akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Bank. Pengekalan atau penggunaan BXC selepas tarikh penguatkuasaan yang ditetapkan oleh Bank akan dianggap sebagai menandakan penerimaan tanpa syarat bagi pindaan tersebut oleh Pelanggan.
- 15.4 Sekiranya Pelanggan tidak bersetuju dengan pindaan tersebut, Pelanggan perlu menyerahkan BXC dengan segera dan mengembalikannya kepada Bank, dalam keadaan yang telah dipotong dua dan dilubangkan pada bahagian cip SMART dan jalur magnetik, di mana sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan akan dianggap sebagai telah menerima pindaan tersebut.

16. **INDEMNITI**

- 16.1 Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas segala tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian, perbelanjaan (termasuk kos guaman atas dasar peguam cara dan klien) dan segala jenis liabiliti lain yang mungkin dibuat, diambil, ditanggung atau dialami oleh Bank berhubung dengan atau yang timbul dalam apa juga cara daripada penggunaan BXC oleh Pemegang Kadnya atau oleh mana-mana individu yang diberikan akses

oleh Pemegang Kad tersebut, kecuali setakat mana kerugian atau liabiliti tersebut adalah diakibatkan secara langsung oleh kecuaiannya oleh Bank.

- 16.2 Liabiliti Pelanggan adalah liabiliti yang berterusan dan akan kekal berkuat kuasa sepenuhnya sehingga liabiliti kepada Bank telah diselesaikan sepenuhnya. Indemniti ini akan mengikat Pelanggan dan wakil peribadi dan waris atau penggantinya.
- 16.3 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan atas sebarang tindakan atau peninggalan oleh mana-mana SST atau cawangan perkhidmatan lain walau bagaimanapun ia terjadi, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang keengganan untuk menerima BXC atau sebarang penyata atau komunikasi lain yang dibuat berhubung dengannya atau sebarang kecacatan atau kekurangan dari segi barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan menerusi penggunaan BXC.
- 16.4 Penggunaan BXC oleh Pemegang Kad juga adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat semasa yang mentadbir pengendalian akaun yang berkenaan.
- 16.5 Sekiranya Pelanggan terlibat dalam perkongsian atau dalam kumpulan individu yang tidak diperbadankan, liabiliti semua rakan kongsi bagi semua individu dalam kumpulan individu berkenaan adalah secara bersama dan berasingan.
- 16.6 Pelanggan akan tetap dipertanggungjawabkan atas segala transaksi yang dibuat
 - a) sebelum sebarang pemberitahuan kepada Bank mengenai kehilangan atau kecurian BXC dan/atau
 - b) oleh mana-mana individu dengan menggunakan PIN (sama ada dengan kebenaran atau tanpa kebenaran).

17. TELEKOMUNIKASI

- 17.1 Tertakluk kepada pengesahan yang wajar, Pelanggan bersetuju bahawa Bank diberi kebenaran untuk melaksanakan tindakan berdasarkan sebarang arahan yang dikeluarkan secara lisan atau bertulis, termasuk tetapi tidak terhad kepada, melalui telefon, secara dalam talian atau faksimile yang dipercayai oleh Bank adalah daripada Pemegang Kad. Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian, kelewatan, atau kerosakan yang disebabkan oleh tindakan yang dibuat secara jujur mengikut arahan tersebut, dengan syarat Bank mematuhi prosedur pengesahannya.

18. PENYATA AKAUN

- 18.1 Sebarang slip transaksi yang dikeluarkan oleh SST bagi pengeluaran hanya akan menunjukkan apa yang berupa pengeluaran yang dibuat oleh Pelanggan dan tidak seharusnya dianggap sebagai penyata muktamad bagi akaun Pelanggan dengan Bank.
- 18.2 Penyata Akaun yang menunjukkan segala transaksi bagi akaun tersebut akan tersedia secara elektronik sebulan sekali melalui Alliance BizSmart® untuk pengguna Alliance BizSmart® tanpa caj melainkan sekiranya kami menerima arahan sebaliknya daripada Pelanggan.
- 18.3 Pelanggan dinasihatkan untuk menyemak catatan dalam Penyata Akaun dan memaklumkan kepada Bank secara bertulis dengan segera sekiranya mendapati adanya sebarang kesilapan atau percanggahan pada penyata tersebut. Sekiranya tiada bantahan dibuat dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh Penyata Akaun, semua catatan pada penyata tersebut adalah tepat. Bank berhak membuat pembetulan sekiranya perlu jika terdapat sebarang kesilapan yang dikesan oleh Bank.

- 18.4 Sejarah transaksi akaun bagi tempoh sehingga 12 bulan sebelumnya boleh dilihat dan dimuat turun dalam bentuk penyata melalui Alliance BizSmart®.
- 18.5 Penyata dalam bentuk salinan cetak boleh diminta di cawangan dengan dikenakan fi (penepian boleh didapati tertakluk kepada dasar Bank). Untuk maklumat lanjut mengenai Fi dan Caj, sila rujuk <https://www.alliancebank.com.my/fees-and-charges>

19. NOTIS PERTUKARAN ALAMAT DAN TANDATANGAN

- 19.1 Segala penyata, surat-menyurat dan komunikasi termasuk penyerahan sebarang dokumen undang-undang yang dihantar melalui pos atau dihantar ke alamat terakhir Pelanggan, e-mel, telefon, faks atau maklumat perhubungan lain menurut rekod Bank akan dianggap sebagai telah dilaksanakan pada tarikh yang dinyatakan dalam notis dan/atau tarikh penghantaran. Sebarang perubahan pada alamat, e-mel, telefon, faks atau maklumat perhubungan Pelanggan yang lain mesti dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh Pelanggan mengikut contoh tandatangan yang dikemukakan kepada Bank dan mesti dimaklumkan kepada Bank secara bertulis dengan segera.
- 19.2 Pelanggan mesti memastikan bahawa tandatangan yang digunakan pada semua cek, dokumen dan surat-menyurat dengan Bank adalah sama dengan contoh tandatangan yang dikemukakan semasa pembukaan akaun. Sekiranya Pelanggan ingin menukar tandatangan mereka, sila hubungi Bank untuk mengaturkan penukaran tersebut.

20. PENYERAHAN PROSES UNDANG-UNDANG

- 20.1 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa penyerahan sebarang writ saman atau sebarang proses undang-undang berhubung sebarang tuntutan yang timbul daripada atau berkait dengan Terma dan Syarat ini boleh dilaksanakan dengan menghantar satu salinan dokumen tersebut kepada Pelanggan melalui pos berdaftar prabayar yang dihantar ke alamat Pelanggan sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Pembukaan Akaun Bank atau alamat lain yang dimaklumkan oleh Pelanggan dan diterima oleh Bank dari semasa ke semasa atau sebarang cara lain yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkenaan dan penyerahan tersebut dianggap sebagai telah disempurnakan bagi Pelanggan selepas tamat tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pengeposannya walaupun dokumen tersebut dikembalikan tanpa serahan.

21. PERAKUAN HUTANG

- 21.1 Perakuan yang ditandatangani oleh pegawai Bank berkenaan wang yang pada masa ini mesti dibayar dan terhutang kepada Bank oleh Pelanggan adalah bukti yang tidak boleh dipertikaikan terhadap Pelanggan bagi apa juga tujuan termasuklah bagi prosiding undang-undang.

22. KEBOLEHASINGAN

- 22.1 Ketaksahan atau kegagalan menguatkuasakan mana-mana peruntukan yang terkandung di sini tidak akan membatalkan tujuan asas Terma dan Syarat ini dan peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan boleh diasingkan, dan ketaksahan atau kegagalan menguatkuasakan mana-mana terma atau peruntukan dalam Terma dan Syarat ini tidak akan menjejaskan kesahan atau kebolehuatkuasaan terma atau peruntukan lain yang terkandung di sini yang akan kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

23. PENDEDAHAN

- 23.1 Pelanggan memberi persetujuan dan kebenaran yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank dan pegawai serta kakitangannya untuk mendedahkan dan memberi segala maklumat yang berkaitan dengan butiran dan hal ehwal Pelanggan (kewangan atau sebaliknya), butiran akaun, hubungan dengan Bank, terma perjanjian dan sebarang perkara lain berhubung dengan Pelanggan atau perniagaan dan operasinya kepada kumpulan individu berikut menurut kaedah dan setakat yang dianggap perlu oleh Bank menurut dasarnya.

- a) syarikat yang berkait dengan Bank menurut Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 atau mana-mana syarikat sekutu Bank (Bank berserta dengan syarikat yang berkaitan/sekutu tersebut dirujuk secara kolektif sebagai “Kumpulan Alliance Bank”) dan pemegang serah hak dan pengganti jawatannya. Untuk mengelakkan keraguan, pendedahan kepada Kumpulan Alliance Bank adalah untuk memudahkan operasi, perniagaan, penjualan silang dan tujuan lain Bank dan/atau Kumpulan Alliance Bank dengan syarat pendedahan untuk tujuan penjualan silang tidak akan dibuat sekiranya pendedahan tersebut dibantah oleh Pelanggan menerusi pemberitahuan bertulis kepada Bank;
- b) mana-mana individu yang melaksanakan atau yang berkait dengan sebarang pelaksanaan tindakan atau prosiding undang-undang untuk mendapatkan kembali wang yang telah genap masa dan perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank;
- c) badan-badan kawal selia, agensi kerajaan, penguasa cukai, polis, badan-badan penguatkuasaan undang-undang dan mahkamah, di dalam dan di luar Malaysia termasuklah yang merujuk kepada Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat;
- d) bank atau institusi kewangan lain termasuk Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad (sekiranya berkenaan) dan mana-mana pihak berkuasa lain yang berkaitan sebagaimana yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut, atau pihak berkuasa/agensi seumpamanya yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia/Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia;
- e) Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat, Sistem Maklumat Cek Tak Laku, biro kredit, agensi pelaporan kredit dan syarikat yang ditubuhkan bagi tujuan mengumpul dan menyediakan maklumat kredit;
- f) Akauntan, auditor, peguam cara, penasihat, perunding dan/atau lain-lain ejen Bank sebagaimana yang perlu untuk pelaksanaan fungsi, tanggungjawab dan obligasi mereka dengan sewajarnya terhadap Bank dan Kumpulan Alliance Bank;
- g) Penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga Bank yang dilibatkan oleh Bank dan syarikat yang berkaitan atau bersekutu untuk melaksanakan fungsi dan kegiatan Bank;
- h) mana-mana entiti yang dianggap wajar oleh Bank dengan mengambil kira kepentingan awam, dakwaan penipuan/pemalsuan/sebarang jenayah yang didakwa telah dilakukan menerusi Akaun tersebut dan/atau oleh Pelanggan;
- i) pihak luar sebagaimana yang diperlukan untuk sebarang kegiatan pelaksanaan korporat/usaha wajar yang dibuat oleh Bank dan/atau Kumpulan Alliance Bank;
- j) mana-mana pihak yang pada masa akan datang berniat untuk memperoleh kepentingan/pegangan saham di Bank menurut sebarang cadangan pengaturan, penggabungan, penggabungan, pengambilalihan/penstrukturan semula di antara Bank dan pihak tersebut; dan
- k) mana-mana individu atau entiti yang telah mendapat persetujuan Pelanggan terlebih dahulu.

24. **FORCE MAJEURE**

- 24.1 Tanpa prejudis terhadap mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini, Pelanggan bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan Bank sekiranya Bank tidak dapat menunaikan keseluruhan atau sebahagian daripada kewajipannya di bawah Terma dan Syarat ini, yang boleh dianggap sebagai disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan sebarang peranti mekanik atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, sebarang tindakan di luar kawalan Bank atau disebabkan oleh sebarang faktor semulajadi atau force majeure. Bank akan mengambil langkah sewajarnya untuk mengurangkan impak kejadian tersebut dan meneruskan semula perkhidmatan perbankan sesegera mungkin.

25. **PENGAKUAN AM**

- 25.1 Pelanggan mengakui bahawa satu salinan Lembaran Maklumat Produk ("PDS") telah diperoleh daripada Bank (melalui Cawangan atau laman web di <https://www.alliancebank.com.my/business/SME/Cards/Alliance-Biz-Xpress-Card>).
- 25.2 Pelanggan memberi kebenaran kepada Bank, dari semasa ke semasa, untuk mengakses, mendapatkan, mengesahkan dan/atau menggunakan sebarang data atau maklumat daripada mana-mana sumber (termasuklah agensi rujukan kredit, Bank Negara Malaysia ("BNM"), Biro Kredit dan/atau Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat ("CCRIS") dan pihak berkuasa yang berkenaan) bagi tujuan penilaian kedudukan kredit, penggunaan produk ini dan sebarang kemudahan atau perkhidmatan yang diperolehi atau mungkin diperolehi oleh Pelanggan (sama ada dengan Bank atau tidak).

26. PERTANYAAN / ADUAN

- 26.1 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan perkhidmatan, Pelanggan boleh menghubungi Bank di +603 5516 9988 (Malaysia), dari 8:00 pagi hingga 10:00 malam setiap hari.
- 26.2 Sekiranya pertanyaan atau aduan Pelanggan tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh Bank, Pelanggan boleh menghubungi BNMLINK atau Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) di:

BNMLINK 4th Floor, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur	Talian.: 1-300-88-5465 (Malaysia) atau +603 2174 1717 (Luar Negara) Waktu Operasi: 9:00 a.m. - 5:00 p.m. (Isnin - Jumaat kecuali cuti umum) Laman web: bnm.gov.my/BNMLINK
Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) Aras 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia No.4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur.	Talian.: +603 2272 2811 Waktu operasi: 9:00 pagi – 5:00 petang (Isnin – Jumaat kecuali cuti umum) Laman web: https://www.fmos.org.my

27. ANTIRASUAH DAN ANTIPENYELEWENGAN

- 27.1 Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan antipenyelewengan yang dikenakan terhadap Bank. Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan, merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumpunan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
- 27.2 Dengan memohon untuk mendapatkan produk ini, Pemegang Kad dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar antirasuah dan antipenyelewengan Bank yang boleh didapati di <https://www.alliancebank.com.my/anti-bribery-and-corruption-summary-of-policy> dan selanjutnya berjanji/mengaku janji untuk tidak terlibat dengan amalan

penyelewengan dalam apa juga cara sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.

28 CARA UNTUK MENGHUBUNGI KAMI

- 28.1 Untuk bantuan lanjut, sila hubungi Pusat Perhubungan Perbankan Perniagaan Bank atau kunjungi mana-mana cawangan Alliance Bank.

Pusat Perhubungan Perbankan Perniagaan	Talian: 1-300-80-3388 (Malaysia) atau +603 5624 3888 (Luar negara) Waktu operasi: 9:00 pagi hingga 6:00 petang (Isnin – Jumaat kecuali cuti umum) E-mel: bbcc@alliancefg.com
Cawangan Bank	Waktu operasi: 9:15 pagi hingga 4:15 petang (Semenanjung Malaysia) 9:00 pagi hingga 4:00 petang (Malaysia Timur) (Isnin – Jumaat kecuali cuti umum)